

01 SEP 1998

SAHAM-DAGANGAN/I

PELABUR TEMPATAN BOLEH BERNIAGA SEPERTI BIASA

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Pelabur-pelabur tempatan boleh terus berniaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) seperti biasa meskipun dengan pengenalan peraturan baru bagi pelabur pasaran saham asing, kata sumber-sumber yang rapat dengan peraturan bursa saham itu.

Mereka berkata peraturan terbaru oleh pihak berkuasa bagi membawa pulang semula hasil ringgit akan menjejaskan spekulator asing yang sering muncul dengan "wang panas" mereka.

Sumber-sumber yang kenal biasa dengan peraturan terbaru itu berkata pelabur asing tidak boleh menukarkan hasil ringgit mereka jika mereka memegang saham Malaysia kurang daripada setahun.

Tetapi jika mereka memegang saham lebih daripada setahun, mereka boleh menukar perolehan ringgit mereka kepada mata wang asing bagi membawa pulang semula perolehan itu.

Sumber-sumber itu berkata pelabur tempatan tidak terjejas oleh peraturan terbaru itu kerana mereka berdagang dalam ringgit dan tidak membawa pulang semula dana mereka ke luar negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pelabur pasaran asing tidak akan dibenarkan membawa pulang hasil ringgit mereka jika mereka tidak memegang saham Malaysia mereka bagi tempoh setahun.

Sumber-sumber itu berkata apa yang ditafsirkan oleh Datuk Dr Sulaiman Mahbob, ketua sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), bahawa dalam pasaran asing pelabur-pelabur terpaksa menyimpan saham mereka dalam sistem depositari pusat (CDS) adalah betul kerana pelabur-pelabur asing kini sudah tawar hati daripada terbabit dalam kegiatan spekulatif dengan peraturan terbaru itu.

Dengan peraturan membawa pulang semula hasil ringgit itu, adalah lebih baik bagi mereka untuk menyimpan saham mereka di dalam CDS, kata sumber-sumber itu.

Dr Sulaiman berkata langkah itu akan menghalang kemasukan wang panas yang menyebabkan pergolakan besar dalam harga saham tempatan.

"Kita tidak mahu spekulator asing membuat kacau bilau di dalam bursa saham kita," kata Dr Sulaiman.

Apabila ditanya sama ada spekulator asing akan menggunakan pelabur tempatan sebagai penama mereka dalam urusan niaga saham, mereka masih akan dihalang oleh hakikat bahawa mereka terpaksa mengisytiharkan dana mereka berikutan pemulangan semula hasil.

Mereka akan disoal bagaimana mereka memiliki sejumlah besar wang seumpama itu, katanya.

Dr Mahathir berkata "mereka tidak boleh datang dan melabur dan kemudiannya menjual atau menolak naik atau turun nilai saham."

"Oleh itu pelaburan tidak terjejas oleh perkara itu kecuali pelaburan dalam saham kerana ia dianggap sebagai wang panas. Jika mereka mahu melabur dalam saham mereka boleh melakukannya tetapi pelaburan seumpama itu mestilah kekal di negara ini bagi tempoh sekurang-kurangnya setahun," katanya.

Langkah untuk mengawal pertukaran asing yang diumumkan oleh bank negara hari ini akan diteruskan sehingga Malaysia yakin terdapat perubahan fundamental dalam sistem kewangan antarabangsa, kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata peraturan terbaru itu akan mengurangkan kegiatan spekulatif.

"Apa yang menjejaskan pasaran saham adalah amalan membeli saham

berulang kali ini dengan tujuan menolak naik nilai saham ke paras paling tinggi supaya harga saham itu tidak mempunyai perkaitan dengan prestasi atau aset syarikat-syarikat terbabit," jelasnya.

Perdana Menteri menambah, "Sebaik sahaja harga saham itu mencapai paras yang sangat tinggi, pelabur-pelabur akan menjual semuanya dan kemudiannya mengambil wang dan meninggalkan negara ini dan meninggalkan pelabur tempatan dengan saham daripada syarikat yang telah hilang nilainya.

-- BERNAMA

SHY MR ZK OS